

Syarat-Syarat Kelulusan Lesen Peniaga Sementara

1. Lesen ini sah selama satu tahun dari tarikh pembayaran dan hendaklah diperbaharui tujuh(7) hari sebelum tamat tempoh lesen.
2. Pelesen hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Penjaja Majlis Daerah Selama 1985 dan Undang-Undang Kecil Kebersihan Awam Majlis Daerah Selama 1985.
3. Lesen Perniagaan ini diluluskan sebagai Peniaga Sementara sahaja. Oleh itu tidak dibenarkan membina bangunan kekal.
4. Sebarang pampasan atau gantirugi tidak akan dibayar apabila diarahkan berpindah.
5. Pelesen hendaklah menjaga tapak/petak perniagaannya sentiasa dalam keadaan bersih.
6. Pelesen tidak boleh membenarkan cecair kotor atau lain-lain bahan mengganggu dilonggok, ditumpah atau diserak ke dalam longkang atau lain-lain tempat.
7. Sampah sarap dan sisa jualan hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah disediakan.
8. Pelesen tidak boleh membakar bahan-bahan pembakar atau sampah sarap secara terbuka.
9. Peniaga-peniaga yang mengendalikan makanan atau minuman perlu:-
 - 9.1. Hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan dan diakui layak untuk mengendalikan makanan oleh Pegawai Perubatan
 - 9.2. Menjaga kebersihan diri dan peralatan makanan dan pengendali makanan hendaklah memakai apron dan penutup kepala.
 - 9.3. Tidak mencemarkan makanan yang telah dimasak/sedia dihidang, gunakan penyepit atau senduk, melindungi makanan dari dicemari lalat.
 - 9.4. Tidak menggunakan peralatan yang kotor, retak atau sumbing dan tidak menggunakan kertas bercetak untuk membungkus makanan.
 - 9.5. Pelesen juga hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan Majlis Daerah Selama 1984.
10. Perniagaan hendaklah dialihkan apabila ada pembangunan di kawasan tersebut tanpa apa-apa bayaran pampasan.
11. Apa-apa kemalangan atau kecederaan orang awam adalah tanggungjawab tuan untuk menyelesaikannya.
12. Mematuhi arahan Yang Dipertua Majlis Daerah Selama dari masa ke semasa.

Pelanggaran mana-mana syarat di atas adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun serta dibatalkan lesen.

Dengan Perintah,

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SELAMA**